

# **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN DAYA KREATIF :  
DANA PEMFAILAN HARTA INTELEK 2.0  
TAHUN 2023**

**26 JANUARI 2023 (KHAMIS)**

**DEWAN SERBAGUNA KPDN**

Terima kasih saudara pengacara majlis.

**Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd Yusof**

Ketua Setiausaha KPND

**Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin**

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) KPND

**Yang Berbahagia Datin Roszanina binti Wahab**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) KPND

**Yang Berusaha Tuan Abdul Haris bin Haji Lakar**

Ketua Pengarah MyIPO

Wakil-wakil media

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan MyIPO, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

1. Terlebih dahulu, dengan rasa penuh kesyukuran, saya berbesar hati dapat kita sama-sama bertemu pada pagi ini dalam **Majlis Pelancaran DAYA Kreatif : Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 Tahun 2023.**

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) yang telah sudi menjemput saya bagi merasmikan majlis pada pagi ini.

Para hadirin sekalian,

3. Harta intelek adalah hasil ciptaan minda sama ada dalam bentuk rekacipta, simbol, nama atau reka bentuk yang digunakan dalam perdagangan serta ciptaan/ karya sastera dan seni. Elemen-elemen yang terkandung di dalam harta intelek adalah meliputi paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hak cipta, petunjuk geografi dan susun atur litar bersepadu.
4. Pembaharuan dalam persekitaran ekonomi, sama ada di dalam negara, serantau atau antarabangsa telah meletakkan harta intelek sebagai elemen penting dalam perkembangan perniagaan. Harta intelek tidak lagi dilihat sebagai *protective legal shield* semata-mata, malah mempunyai fungsi sama seperti harta ketara lain iaitu boleh diperdagangkan atau dilesenkan dengan nilai yang tinggi.

5. Melalui pendaftaran harta intelek di bawah undang-undang berkaitan, pemiliknya akan mendapat hak eksklusif untuk mengawal dan mengeksploitasi harta intelek mereka. Ini termasuklah hak untuk membuat, menggunaan, dan menjual. Selain itu, mereka juga boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak lain yang menggunaan harta intelek tersebut tanpa kebenaran pemunya sebenar.
  
6. **Dalam *Global Innovation Index 2022*, Malaysia berada di kedudukan ke-36 daripada keseluruhan 132 negara.** Antara penanda aras yang diambil kira dalam mengukur dan menentukan kedudukan ini adalah jumlah pemfailan paten, perbaharuan utiliti, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian di Malaysia.
  
7. Saya difahamkan MyIPO telah merekodkan sebanyak **329,917** permohonan harta intelek daripada dalam dan luar negara pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, **128, 822** adalah permohonan harta intelek tempatan. Ini secara tidak langsung menunjukkan sikap ambil berat para usahawan terutamanya sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) terhadap perlindungan harta intelek.

8. Saya juga dimaklumkan bahawa cap dagangan merupakan komponen harta intelek yang menerima permohonan paling banyak pada setiap tahun di Malaysia iaitu lebih daripada 80%. Ini sudah tentu, memandangkan cap dagangan amat berkait rapat dengan sesebuah perniagaan iaitu jenama bagi sesuatu produk.
  
9. Walau bagaimanapun, saya amat menggalakkan para usahawan untuk mengenal pasti komponen harta intelek lain yang berpotensi untuk didaftarkan bagi mendapat hak eksklusif yang optimum.
  
10. Sebagai kementerian yang menerajui perdagangan domestik, KPDM sentiasa komited untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif terutamanya melalui pemerksaan pemilikan harta intelek di kalangan usahawan tempatan.
  
11. Malah pemilikan harta intelek ini boleh diperluaskan di peringkat antarabangsa di mana MyIPO telah menyediakan satu sistem pendaftaran cap dagangan antarabangsa yang dinamakan Sistem Madrid. Melalui sistem ini, pemilik cap dagangan boleh memohon perlindungan ke atas cap dagangannya di 129 buah negara ahli Protokol Madrid.

12. Antara faedah penyertaan Malaysia ke dalam Sistem Madrid yang paling ketara ialah kos bagi pemfailan yang jauh lebih rendah jika di bandingkan dengan pemfailan di setiap negara tanpa menggunakan Sistem Madrid. Sebagai contoh, pemfailan di tiga negara seperti Jepun, China dan Korea adalah berjumlah RM22,500.00. Akan tetapi dengan menggunakan laluan Sistem Madrid, ianya jauh lebih rendah iaitu hanya RM6,150.00 dengan penjimatan sebanyak RM16,350.00.
13. Sehubungan itu, usahawan di negara ini harus mengambil peluang menerusi sistem yang disediakan ini bagi meluaskan lagi empayar perniagaan sedia ada, dan dalam masa yang sama dapat menjimatkan kos operasi syarikat.

Para hadirin sekalian,

14. Atas keprihatinan Kerajaan akan cabaran yang dihadapi usahawan terutamanya dalam situasi pandemik Covid-19, KPDN dengan kerjasama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) berbesar hati melancarkan **Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 berjumlah RM2 juta di bawah Inisiatif DAYA Kreatif.**

15. **DAYA merupakan salah satu jenama inisiatif KPDN yang menekankan kepada strategi mendaya upakan rakyat dalam menangani isu Kos Sara Hidup. DAYA Kreatif memberi fokus kepada pemain industri kreatif di Malaysia menerusi fasilitasi pemerkasaan dan membangunkan kesedaran berkenaan hakcipta.**
  
16. Dana ini merangkumi pembiayaan fi bagi kesemua pemfailan komponen harta intelek termasuk kos bagi kerja yang memerlukan khidmat professional dan teknikal seperti penderafan paten. Adalah diharapkan dana ini dapat membantu meringankan beban usahawan-usahawan tempatan seterusnya meningkatkan daya saing melalui perlindungan harta intelek dan merangsangkan ekonomi negara.
  
17. Dengan adanya kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, beserta perlaksanaan dasar-dasar pro-perniagaan yang kondusif, para usahawan juga mesti bijak mengambil peluang daripada kemudahan, insentif dan perlindungan harta intelek yang disediakan oleh Kerajaan dalam usaha membina keupayaan masing-masing untuk kejayaan yang mapan di dunia perniagaan.

18. Kepada semua usahawan, saya menyeru supaya anda mengambil iltizam dan tanggungjawab untuk melindungi harta intelek yang dimiliki agar tiada pihak yang mengambil kesempatan dan mendatangkan kerugian kepada pemilik sebenar harta intelek.
  
19. Pada hari ini juga saya difahamkan beberapa orang usahawan yang telah berjaya mendapat dana ini turut hadir bersama kita dan tahniah kita ucapkan kepada mereka.
  
20. Dalam masa yang sama, Bahagian Penguat Kuasa KPDN juga akan terus memantau dan mencegah aktiviti peniruan dan penciplakan terhadap harta intelek di negara ini bagi memastikan kelestarian aktiviti ekonomi domestik serta dalam masa yang sama meningkatkan keyakinan pelabur asing di negara ini.
  
21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada MyIPO atas usaha menyelaras Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 ini. Selamat maju jaya diucapkan kepada para usahawan dalam mengorak langkah mendepani cabaran perniagaan.

22. Dengan ini, secara rasminya, saya melancarkan **DAYA Kreatif : Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 bagi Tahun 2023.**

Sekian, terima kasih.